

Gagal laksanakan Agenda 21

BH - 9 NOV 1994

Barat mungkir

Oleh Lichong Angkui

SUBANG, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membidas negara maju kerana tidak komited memulihara alam sekitar, mengenakan pelbagai peraturan untuk melindungi kepentingan serta menuding kesalahan terhadap negara membangun.

Perdana Menteri berkata, sikap tidak serius dalam menangani isu alam sekitar dan pembangunan, terutama berkaitan komitmen kewangan akan meletakkan negara-negara di dunia dalam keadaan bahaya.

Beliau kesal kerana Agenda 21 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan (Unced) di Rio de Janeiro yang dipersetujui lebih dua tahun lalu, tidak dilaksanakan.

Sehubungan itu, Dr Mahathir mahu masyarakat antarabangsa meningkatkan komitmen mewujudkan kesejahteraan dunia.

"Persetujuan dan persefahaman yang dicapai di Rio ialah supaya negara maju membantu negara membangun memulihara alam sekitar serta mewujudkan pembangunan mapan menerusi penyediaan bantuan, tetapi sehingga kini ia belum dilaksanakan.

"Sekarang perhatian segera perlu ditumpukan kepada cara melaksanakan pelbagai perkara yang dipersetujui itu kerana pendekatan sekarang terlalu banyak kelemahannya dan kehilangan fokus," katanya berucap merasmikan persidangan antarabangsa Ahli-ahli Parlimen Asia Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan Mapan, di sini.

Persidangan tiga hari itu bertemakan *Alam sekitar dan Pembangunan Mapan* dihadiri 40 Ahli Parlimen dari 21 negara rantau Asia.

Turut hadir ialah Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding; Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dan Pengerusi Forum Ahli Parlimen Asian (AFPPD) Malaysia, Datuk Ibrahim Ali.

Dr Mahathir berkata, Unced menganggarkan kira-kira AS\$625 bilion (RM1,563 bilion) diperlukan setiap tahun oleh negara membangun untuk membiayai kegiatan melaksanakan Agenda 21. Daripada jumlah itu, AS\$500 bilion (RM1,250 bilion) diper-

olehi daripada sumber domestik negara membangun manakala AS\$125 bilion (RM313 bilion) lagi sepatutnya dari negara maju.

Beliau juga kesal kerana dana Bantuan Pembangunan Luar Negara (ODA) semakin berkurangan manakala bantuan negara Pertubuhan Pembangunan dan Kerjasama Ekonomi (OECD) kepada negara membangun menurun daripada AS\$60.8 bilion (RM152 bilion) pada 1992 kepada AS\$54.8 bilion (RM137 bilion) tahun lalu.

Katanya, sumber kewangan sekarang hanyalah menerusi tabung Kemudahan Alam Sekitar Sedunia (GEF) yang setakat ini 26 negara bersetuju menyumbang AS\$2 bilion (RM5 bilion) bagi membiayai program yang dirancang.

"Jumlah berkenaan diangap tidak mencukupi berbanding jangkaan keperluan yang dibuat di Rio. Begitupun, keadaan menjadi rumit kerana pengeluaran wang daripada tabung berkenaan dikenakan pelbagai syarat ketat," katanya.

Perdana Menteri berkata, dalam beberapa persidangan antarabangsa kebelakangan ini soal penyelesaian isu alam sekitar diarahkan kepada kerajaan negara membangun.

"Sementara saya mengakui pentingnya fungsi kerajaan dalam merangka pelan tindakan, tetapi ia kurang berkesan tanpa sumbangan bersama daripada masyarakat antarabangsa sendiri.

"Oleh itu, saya meminta negara maju tidak mengelak daripada komitmen asal," katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia juga berkongsi kebimbangan bersama negara membangun lain berhubung isu berkaitan pembangunan alam sekitar, terutama sektor berkaitan perdagangan antarabangsa, pembuangan toksid, sisa berbahaya dan radioaktif, perhutanan serta biodiversiti.

Katanya, beliau melihat tindakan berterusan sesetengah negara maju untuk memperkenalkan syarat perdagangan antarabangsa sebagai mempunyai muslihat melindungi kepentingan sendiri.

Perdana Menteri berkata, tindakan itu menyetepikan daya saing negara membangun seperti kadar buruh yang murah, dan sekali gus menambahkan bebanan kalangan negara membangun.

Janji